

10/BKH/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

AKPS BUKIT KAYU HITAM PATAHKAN CUBAAN SELUDUP 3,000 LITER DIESEL BERNILAI RM93,500.00

BUKIT KAYU HITAM, 24 JUN 2025 – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berjaya mematahkan satu lagi cubaan menyeludup minyak diesel dalam satu pemeriksaan di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah, hari ini. Dalam kejadian kira-kira jam 10.20 pagi itu, rampasan dianggarkan bernilai RM93,500.00.

Modus operandi yang digunakan adalah dengan mengubah suai sebuah motolori jenis *pole trailer* bagi tujuan mengaburi mata pihak berkuasa. Hasil pemeriksaan rapi oleh pegawai bertugas telah menemukan satu ruang tambahan yang disembunyikan di bahagian bawah treler tersebut, yang diisi dengan anggaran 3,000 liter minyak diesel bernilai RM8,500.00.

Motolori bernilai RM85,000.00 itu telah disita untuk siasatan dan tindakan lanjut. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 6 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 atas kesalahan mengubah suai kenderaan dengan tujuan untuk menyeludup dan Seksyen 64(1) APJ 1987 yang membenarkan kenderaan disita.

Rampasan ini menunjukkan komitmen berterusan AKPS bersama agensi penguatkuasaan lain dalam memastikan hanya produk yang mematuhi piawaian dan mempunyai dokumen sah dibenarkan melepasi sempadan negara. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba memperdaya agensi penguat kuasa dengan dokumen atau kaedah yang mengelirukan.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/1XMWAd83d1xHdO_m2_jg2u5A_WECYsXEs?usp=sharing

TAMAT

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)
24 JUN 2025**